

Lai Kwan tiada tandingan

» Sapu semua 13 emas acara individu; Bantu UPM juarai renang

Oleh Mohd Fitrie Muhamad
mfitrie@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Tamat aksi di kolam renang di Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil semalam menyaksikan jaguh renang Universiti Putra Malaysia (UPM), Chui Lai Kwan melebarkan pencapaian cemerlang dengan kejayaan, merangkul 13 pingat emas dan dua perak.

Walaupun terpaksa berpuas hati dengan dua pingat perak dalam acara berpasukan, Lai Kwan jelas berada di tahap tersendiri dengan menyapu bersih semua 13 acara individu yang disertainya.

Pada aksi hari terakhir semalam, pelajar jurusan Sains Teknologi dan Pemakanan itu meraih emas dalam acara 200 meter kuak kupu-kupu, 100m kuak lentang dan 50m gaya bebas manakala pingat perak terhasil menerusi 4x100m wanita rampaian berganti-ganti.

Saya belum puas

"Saya cukup bangga dengan pencapaian ini kerana ini menjadi kejayaan pingat emas paling banyak pernah dimenangi dalam mana-mana pertandingan yang disertai."



KEDUDUKAN PINGAT				
	E	P	G	Jum
UPM	15	4	1	20
USM	7	8	10	25
UM	6	8	3	17
Uni Taylor	4	2	0	6
Kolej Inti	3	6	0	9

"Tetapi kalau ikutkan, saya masih belum puas hati dengan masa yang saya catat terutama dalam acara kegemaran 50 meter gaya bebas. Dalam acara ini, masa terbaik saya adalah 26.02 saat," katanya yang dilihat bakal menjadi calon paling sesuai untuk dinobatkan sebagai Olahragawati SUKOPT edisi sulung kali ini.

Dengan pencapaian cemerlang ini, Lai Kwan akan mempersiapkan diri bagi menghadapi Sukan Universiti ASEAN (AUG) di Laos awal Disember ini. Dia yang meraih enam pingat emas pada penampilan di AUG di Chiang Mai, Thailand, dua tahun lalu, akan menyertai empat acara individu dan tiga acara berpasukan di Laos.



SUKIPT

28 Oktober - 11 November 2012
www.sukipt.com.my

KEDUDUKAN PINGAT

	E	P	G	Jum
UPM	16	7	7	30
UiTM	6	5	8	19
USM	5	8	6	19
UM	5	6	3	14
Uni Taylor	3	2	0	5
UTM	2	2	1	5
UMS	2	1	1	4
UniKL	2	0	0	2
KK Kedah	2	0	0	2
UTP	1	3	1	5
HELP	1	2	1	4
UTeM	1	1	1	3
UTAR	1	1	0	2
UPSI	1	1	0	2